

0185

R B572 BAH
MAHATHI R - PELANCONGAN

MELAKA, 22 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, BANYAK PERKARA DAN TEMPAT BERSEJARAH YANG MENARIK DI NEGARA INI YANG BOLEH DIJADIKAN SEBAGAI TEMPAT TARIKAN PELANCONG BAGI MEMAJUKAN LAGI SEKTOR PELANCONGAN.

+JANGAN FIKIR APA YANG BIASA DILIHAT OLEH KITA DI NEGARA INI TIDAK DIMINATI OLEH ORANG LAIN KHUSUSNYA PELANCONG ASING . . . KERANA IA SEMEMANGNYA ISTIMEWA BAGI PELANCONG LUAR NEGERI,+ KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PROJEK BUNYI DAN CAHAYA BERHARGA 96.5 JUTA DI PADANG PAHLAWAN BANDAR HILIR DI SINI MALAM INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ORANG ASING TERUTAMA MASYARAKAT BARAT SANGGUP BERJALAN BERATUS BATU UNTUK MELIHAT SESUATU YANG MENARIK DARI KACA MATA MEREKA.

+SEBAB ITU,APA YANG BIASA BAGI KITA MUNGKIN MENJADI ISTIMEWA BAGI ORANG LAIN. SEBAGAI CONTOH BANGUNAN MASJID DAN KUIL DIMINATI OLEH PELANCONG ASING DAN MEREKA MENGANGGAPNYA SEBAGAI LUAR BIASA,+ KATANYA.

OLEH ITU, KATANYA, KERAJAAN SENTIASA MENGGALAKKAN INDUSTRI PELANCONGAN DAN TIDAK SEGAN SILU UNTUK MEMPAMERKAN TEMPAT-TEMPAT BERSEJARAH. -- LAGI

2338MST 22 07 89

0186

R 8573 BAH
MAHATHIR - PELANCONGAN 2 MELAKA

MENGENAI PROJEK CAHAYA DAN BUNYI DI SINI, PERDANA MENTERI PERCAYA IA DAPAT MENJADI DAYA TARIKAN KEPADA PELANCONG YANG MELAWAT MELAKA DAN DALAM KONTEKS INDUSTRI PELANCONGAN PULA, IA DAPAT MEMBAWA KEUNTUNGAN YANG BESAR.

SELEPAS MERASMIKAN PROJEK TERSEBUT, PERDANA MENTERI DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, KETUA MENTERI DATUK SERI ABDUL RAHIM TAMBY CHIK SERTA ORANG-ORANG KENAMAAN MENYAKSIKAN PERTUNJUKAN TERSEBUT.

MEREKA YANG HADIR SAMA IALAH SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI, DATUK ABU ZAHAR HAJI ISNIN, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, DATUK MOHAMAD ZAM ABDUL WAHAB, PARA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI, KETUA-KETUA JABATAN SERTA ISTERI MASING-MASING.

PROJEK BUNYI DAN CAHAYA MEMAPARKAN KRONOLOGI SEJARAH MALAYSIA DARI ZAMAN KESULTANAN MELAYU MELAKA SEHINGGA PEMBENTUKAN MALAYSIA MODEN, BERDASARKAN TINGGALAN BANGUNAN BERSEJARAH DI BANDAR HILIR.

SKRIP BAGI PERTUNJUKAN SELAMA 57 MINIT ITU IALAH DALAM BAHASA INGGERIS DAN BAHASA MALAYSIA. USAHA SEDANG DIBUAT UNTUK MENTERJEMAHKAN SKRIP TERSEBUT KE DALAM BAHASA MANDARIN DAN JEPUN. -- BERNAMA

2340MST 22 07 89